



Ruj. Kami : JPA.BK(S) 241/73/2 Jld.10 ( 52 )  
Tarikh : 30 Jun 2014

Semua Pengurus Sumber Manusia

Tuan/ Puan,

**PINDAAN JADUAL PEPERIKSAAN KHAS UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27 TAHUN 2014**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku urus setia Peperiksaan Perkhidmatan Awam telah memaparkan takwim peperiksaan bagi tahun 2014. Berdasarkan takwim berkenaan, jadual bagi Peperiksaan Khas Untuk Memasuki Skim Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (PSL N27) adalah selama tiga (3) hari mulai 26 Ogos 2014 hingga 28 Ogos 2014.

3. Walaubagaimanapun, jabatan ini telah memutuskan untuk meminda tempoh masa Peperiksaan PSL N27 daripada tiga (3) hari kepada dua (2) hari seperti berikut:

TARIKH	BAHAGIAN	KOD	MASA
26 Ogos 2014 (Selasa)	Bhg. I – Perintah Am, Arahan Perbendaharaan dan Tatacara Pengurusan Stor	3001A	9:30 pg – 12:30 t/hari (3 jam)
27 Ogos 2014 (Rabu)	Bhg. II – Panduan Pengurusan Pejabat, Arahan Keselamatan dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam	3001B	9:30 pg – 12:30 t/hari (3 jam)
	Bhg. III – Undang-undang Umum	3001C	2:30 ptg – 4:30 ptg (2 jam)

4. Keputusan ini adalah selaras dengan **dasar penjimatan** yang perlu dilaksanakan oleh semua agensi Kerajaan sebagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Pengurangan bilangan hari pelaksanaan Peperiksaan PSL N27 dapat mengurangkan kos pengurusan peperiksaan di samping mengurangkan kos tuntutan elaun oleh calon daripada jabatan masing-masing. Selain itu juga, calon tidak perlu meninggalkan pejabat bagi tempoh masa yang lama.
5. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan adalah dipohon untuk **memaklumkan perubahan tarikh peperiksaan** ini kepada semua pegawai yang berkenaan di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.
6. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh disalurkan kepada:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,  
Bahagian Perkhidmatan,  
Sektor Penilaian Kompetensi,  
Aras 4, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 PUTRAJAYA.**

**No. Tel : 03-8324 2500/2498/2489  
No. Faks : 03-8324 2577  
E-mel : [peperiksaan@jpa.gov.my](mailto:peperiksaan@jpa.gov.my)**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATIN SITI HIJER BINTI HJ. OTHMAN)**  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.  
**MALAYSIA**

s.k.

1. PBK
2. TPBK(K)O